

BAHAGIAN B

Jawab semua soalan.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan fasa-fasa pembangunan atur cara.

P	Pengekoden
Q	Dokumentasi
R	Reka bentuk atur cara
S	Pengujian atur cara dan penyahpejatan ralat
T	Analisis masalah

Susun semula fasa-fasa pembangunan atur cara mengikut urutan yang betul.

[] → [] → [P] → [] → []

(4 markah)

2. Tandakan (✓) bagi jawapan yang betul dan (X) bagi jawapan yang salah.

(a) Dalam fasa analisis masalah, pengatur cara akan mengenal pasti input, proses dan output bagi atur cara untuk membina pseudokod dan carta alir.

[]

(b) Satu senarai semak akan dihasilkan untuk digunakan semasa membuat pengekoden bagi sebuah atur cara.

[]

(c) Teknik peniskalaan merupakan teknik pemikiran komputasional yang digunakan dalam penulisan komen pada atur cara.

[]

(d) Teknik pengitlakan dilakukan dengan menekankan aspek penting untuk menulis algoritma dalam pseudokod dalam fasa pengekoden.

[]

(4 markah)

3. Senaraikan empat (4) teknik asas pemikiran komputasional yang digunakan dalam fasa pembangunan atur cara.


1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

(4 markah)

BAHAGIAN C

Jawab semua soalan.

1. Rajah 3 menunjukkan fasa-fasa yang terdapat dalam pembangunan atur cara.



Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3,

(a) Namakan fasa-fasa X, Y dan Z.

X: _____

Y: _____

Z: _____

(3 markah)

(b) Terangkan dua (2) aktiviti yang perlu diselesaikan dalam fasa Z.

1. _____
2. _____

(4 markah)

(c) Senaraikan tiga (3) teknik pemikiran komputasional yang boleh digunakan semasa fasa X.

1. _____
2. _____
3. _____

(3 markah)